



LAPORAN HARIAN BENCANA #05

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

2 DISEMBER 2024

1/47

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA



9
NEGERI



37
DAERAH



40,978
KELUARGA



137,499
MANGSA



613
PPS AKTIF



***6**
KEMATIAN

* Data sehingga jam 12.00 tengah hari

PERLIS

Daerah : 1
PPS Aktif : 1
Keluarga : 15
Mangsa : 65

KEDAH

Daerah : 5
PPS Aktif : 45
Keluarga : 2,450
Mangsa : 8,029

KELANTAN

Daerah : 9
PPS Aktif : 249
Keluarga : 26,922
Mangsa : 86,385

TERENGGANU

Daerah : 8
PPS Aktif : 257
Keluarga : 10,347
Mangsa : 38,736

PAHANG

Daerah : 3
PPS Aktif : 26
Keluarga : 502
Mangsa : 1,518

JOHOR

Daerah : 1
PPS Aktif : 17
Keluarga : 235
Mangsa : 840

PERAK

Daerah : 4
PPS Aktif : 8
Keluarga : 177
Mangsa : 610

NEGERI SEMBILAN

Daerah : 3
PPS Aktif : 6
Keluarga : 274
Mangsa : 1,033

MELAKA

Daerah : 3
PPS Aktif : 4
Keluarga : 56
Mangsa : 233

PETUNJUK

Sempadan Negeri
 Sempadan Daerah

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

1 – 1,000
 1,001 – 5,000
 Melebihi 5,000

* Catatan : Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



LAPORAN HARIAN BENCANA #05

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

2 DISEMBER 2024

2/47

PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Pasir Mas	62	9,830	29,367	Meningkat
	Tumpat	43	6,208	19,987	Meningkat
	Pasir Puteh	30	3,284	10,716	Menurun
	Kota Bharu	30	2,185	7,514	Menurun
	Bachok	14	1,865	6,129	Menurun
	Kuala Krai	30	1,503	5,183	Menurun
	Machang	21	1,304	4,911	Menurun
	Tanah Merah	18	720	2,497	Menurun
	Jeli	1	23	81	Tidak Berubah
	JUMLAH	249	26,922	86,385	Meningkat
Terengganu	Dungun	44	2,301	9,233	Tidak Berubah
	Besut	82	2,480	8,941	Menurun
	Hulu Terengganu	51	1,865	6,021	Menurun
	Kuala Nerus	16	1,469	6,000	Meningkat
	Kuala Terengganu	12	1,039	4,115	Tidak Berubah
	Setiu	32	658	2,370	Menurun
	Kemaman	10	288	1,102	Tidak Berubah
	Marang	10	247	954	Menurun
	JUMLAH	257	10,347	38,736	Menurun
Kedah	Kota Setar	16	1,182	3,928	Meningkat
	Kubang Pasu	14	754	2,395	Menurun
	Sik	7	225	731	Tidak Berubah
	Pokok Sena	4	178	596	Menurun
	Padang Terap	4	111	379	Menurun
	JUMLAH	45	2,450	8,029	Meningkat

* Trend : Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Negeri Sembilan	Tampin	4	240	916	Menurun
	Jempol	1	27	108	Menurun
	Kuala Pilah	1	7	9	Menurun
	JUMLAH	6	274	1,033	Menurun
Perlis	Perlis	1	15	65	Menurun
	JUMLAH	1	15	65	Menurun
Johor	Segamat	17	235	840	Meningkat
	JUMLAH	17	235	840	Meningkat
Melaka	Jasin	2	42	161	Meningkat
	Melaka Tengah	1	12	66	Tidak Berubah
	Alor Gajah	1	2	6	Menurun
	JUMLAH	4	56	233	Meningkat
Pahang	Raub	20	456	1,373	Tidak Berubah
	Jerantut	4	32	106	Tidak Berubah
	Lipis	2	14	39	Tidak Berubah
	JUMLAH	26	502	1,518	Tidak Berubah
Perak	Kinta	5	117	416	Menurun
	Hilir Perak	1	24	81	Meningkat
	Kampar	1	24	66	Meningkat
	Larut, Matang dan Selama	1	12	47	Tidak Berubah
	JUMLAH	8	177	610	Meningkat
JUMLAH KESELURUHAN		613	40,978	137,449	Meningkat



SITUASI TERKINI

- Sehingga 2 Disember 2024, jam 12.00 tengah hari, terdapat 37 daerah di sembilan (9) negeri (Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan, Perlis, Perak, Johor dan Melaka) yang dilanda banjir dengan pengurangan jumlah mangsa kepada 137,449 dalam tempoh 24 jam (berbanding 153,411 mangsa pada 1 Disember 2024). Ia melibatkan 40,978 keluarga yang ditempatkan di 613 Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Jumlah PPS yang dibuka juga menurun berbanding 686 PPS pada 1 Disember 2024.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas adalah daerah Pasir Mas, Kelantan (29,367 mangsa), daerah Tumpat (19,987) dan daerah Pasir Puteh, Kelantan (10,716 mangsa).
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan Dashboard Bencana yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di Lampiran 1.
- Terdapat enam (6) kematian yang melibatkan satu (1) lelaki dewasa di Pasir Puteh, Kelantan (27 November 2024), satu (1) lelaki dewasa di Machang, Kelantan (27 November 2024), satu (1) lelaki dewasa di Kapit, Sarawak (27 November 2024), satu (1) lelaki dewasa di Besut, Terengganu (28 November 2024) dan dua (2) lelaki dewasa di Machang, Kelantan (1 Disember 2024) direkodkan setakat ini.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi yang mencatatkan jumlah hujan harian tertinggi pada 1 Disember 2024 adalah Dungun, Terengganu (333.6mm), Kemaman, Terengganu (227.4mm) dan Besut, Terengganu (103.6mm). Jumlah hujan harian tertinggi pada 1 Disember 2024 daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) adalah seperti di Lampiran 2.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca terkini, cuaca di rantau negara telah bertambah baik dan Amaran Hujan Berterusan peringkat Buruk (Merah) dan Waspada (Jingga) di beberapa daerah di negeri Kelantan, Terengganu dan Perak telah tamat pada hari semalam.
- Walau bagaimanapun, penumpuan angin dijangka berlaku di negeri Kelantan dan Terengganu mulai petang 3 Disember 2024 sehingga pagi 4 Disember 2024. Keadaan ini berpotensi menghasilkan rebut petir beserta hujan lebat dalam tempoh tersebut.
- Diramalkan bermungkinan berlaku luruan monsun seterusnya bermula pada 8 - 10 Disember 2024 yang berpotensi menyebabkan hujan berterusan di timur Semenanjung dan dijangkakan kekuatan luruan monsun seterusnya tidak sekuat luruan monsun yang lepas.

- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa cuaca adalah baik di seluruh negara kecuali beberapa kawasan di negeri Pahang yang menerima hujan. Taburan hujan terkumpul pada 2 Disember 2024 dari jam 12:00 tengah malam sehingga 2:00 petang adalah seperti di Lampiran 3.
- Sehingga 2 Disember 2024, jam 12:00 tengah hari, dua (2) Amaran Banjir telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), iaitu Amaran Banjir Sungai Pahang (Jerantut, Pahang) dan Amaran Banjir Sungai Bidor (Hilir Perak, Perak).
- Status aras air semasa sehingga 2 Disember 2024 yang dikeluarkan oleh JPS adalah seperti di Lampiran 4.



IMPAK

- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada 2 Disember 2024 adalah sebanyak 40,978 buah rumah.
- Berdasarkan rekod kawasan hotspot dan cerun kritikal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada 2 Disember 2024, terdapat kawasan yang berisiko mengalami tanah runtuh di kawasan yang sedang dilanda banjir, iaitu di negeri Kelantan: Kuala Krai (Cerun Kritikal: Kampung Kala Baru, Kampung Sri Berangan dan Kampung Slow Temiang), Jeli (Cerun Kritikal: Kampung Berdang dan Gunung Reng) dan Tanah Merah (Hotspot Tanah Runtuh).
- Di negeri Terengganu: Kuala Terengganu (Hotspot Tanah Runtuh: Taman Bukit Besar, SMJKC Chung Hwa Wei Sin, Surau Sirrul Asror, Bukit Panorama, Plaza Jalan Ungkusan, Flat Bukit Kecil, Kampung Bukit, Taman Chendering Utama dan Bukit Besar), Kuala Nerus: (Hotspot Tanah Runtuh: Depoh JKR dan Loji Air Bukit Berapit), Kemaman (Hotspot Tanah Runtuh: Shell Kijal, Dewan Seri Ammar, Gereja Chukai, Klinik Desa Bukit Mentok, Kuarters Polis Bukit Mentok, Jalan Masjid Geliga dan Perumahan Bukit Jakar) dan Marang (Hotspot Tanah Runtuh: Taman Mas Impian, Taman Haji Abdullah, Kompleks TM, Taman Laili, Perumahan Bukit Gasing, Taman Rasyidah dan Taman Rasyidah 2).
- Manakala di negeri Kedah: Kota Setar (Cerun Kritikal: Gunung Keriang) dan Baling (Hotspot Tanah Runtuh). Di negeri Perlis (Cerun Kritikal: Taman Mutiara, Taman Bukit Kayangan, Kediaman KAPTM (UNIMAP) dan Sekolah Kebangsaan Chuping).



IMPAK

- Berdasarkan rekod tanah runtuh JMG MTL 2024-2025 sehingga **1 Disember 2024**, terdapat **tiga (3) rekod tanah runtuh baharu**, iaitu di **Kelantan (Kampung Jedok, Tanah Merah), Terengganu (Taman Dato' Abd Rahman, Kuala Berang)** dan **Sabah (Kota Kinabalu)**. Kumulatif kejadian tanah runtuh sepanjang MTL adalah sebanyak **10 kejadian**.
- JMG Negeri akan menjalankan tinjauan ke lokasi tanah runtuh dan mengambil tindakan selanjutnya.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga **2 Disember 2024 jam 8.00 pagi**, jumlah institusi pendidikan terjejas banjir telah menurun kepada **144 sekolah** berbanding **159 sekolah** pada 1 Disember 2024, iaitu:
 - Kelantan: 80 premis** - 64 sekolah rendah, 15 sekolah menengah dan satu (1) pusat anak permata negara;
 - Terengganu: 37 premis** - 25 sekolah rendah dan 12 sekolah menengah;
 - Kedah: 13 premis** - 10 sekolah rendah dan tiga (3) sekolah menengah;
 - Sarawak: enam (6) premis** - sekolah rendah;
 - Pahang empat (4) premis** - sekolah rendah;
 - Perak: satu (1) premis** - sekolah rendah;
 - Melaka: satu (1) premis** - Pusat Kokurikulum; dan
 - Negeri Sembilan : dua (2) premis** - sekolah rendah.
- Terdapat **377 institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **313 sekolah rendah, 63 sekolah menengah dan 1 sekolah vokasional** di **Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Perak dan Perlis**.
- Seramai **18,627 orang: 17,946 murid, 578 guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dan 103 pegawai** masih berada di **PPS Premis Sekolah** di beberapa negeri: **Kelantan (14,317 orang), Terengganu (2,702 orang), Kedah (1,238 orang), Negeri Sembilan (255 orang), Pahang (51 orang), Melaka (37 orang), Perlis (15 orang), Johor (6 orang) dan Perak (6 orang)**.
- Setakat **2 Disember 2024**, susulan hujan dan diikuti banjir di **beberapa daerah di Kelantan, Terengganu dan Kedah**, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik seperti di **Lampiran 5** bagi memastikan keselamatan para pengguna setempat.
- Tiada PPS yang terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir.
- Tindakan-tindakan yang telah diambil di daerah yang dilanda banjir ialah pemasangan genset di kawasan yang selamat.
- Pihak TNB akan menutup bekalan elektrik sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keselamatan. Penutupan bekalan elektrik akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kehilangan nyawa.
- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada **2 Disember 2024**, terdapat **105 fasiliti kesihatan** terjejas banjir; iaitu **72 di Kelantan**: Pasir Mas (25), Tumpat (14), Pasir Puteh (9), Tanah Merah (8), Kuala Krai (6), Machang (6), Kota Bharu (2) dan Bachok (2); **30 di Terengganu**; Hulu Terengganu (10), Besut (9), Setiu (8), Dungun (2) dan Marang (1); **dua (2) di Negeri Sembilan**: Kuala Pilah dan Jempol; serta **satu (1) di Kedah**: (Sik).
- Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas banjir adaah seperti di **Lampiran 6**.
- Berdasarkan laporan oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR)** **2 Disember 2024 jam 2:00 petang**, terdapat **269 lokasi** jalan yang terjejas disebabkan oleh bencana yang melibatkan **81 jalan persekutuan dan 188 jalan negeri**. Sebanyak **(212)** melibatkan banjir, **(22)** banjir kilat, **(16)** cerun runtuh, **(11)** jalan runtuh, **(7)** jalan mendap dan **(1)** jambatan rosak/ runtuh. Pecahan lokasi mengikut negeri adalah **Terengganu (120), Kelantan (95), Kedah (42), Perak (4), Negeri Sembilan (3), Selangor (3) dan Pahang (2)**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak JKR berhubung **jalan yang ditutup dan penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **2 Disember 2024, jam 2:00 petang** adalah seperti di **Lampiran 7**.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan, secara keseluruhannya sehingga **2 Disember 2024**, terdapat **262 stesen pemancar telekomunikasi** di seluruh negara telah terjejas akibat banjir; iaitu di **Kelantan (232), Terengganu (27), Pahang (2) dan Johor (1)**.
- 86 daripadanya telah beroperasi** sepenuhnya, manakala **176 lagi masih belum beroperasi**.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada SKMM mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak SKMM dan pemberi perkhidmatan sentiasa berwaspada dan menerima aduan dari orang awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.



LAPORAN HARIAN BENCANA #05

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

2 DISEMBER 2024

6/47



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Peruntukan untuk menguruskan bencana telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan.
- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 8**.
- **63 orang** kekuatan tambahan **kakitangan dan Sukarelawan JKM** di Putrajaya membantu **agihan barang** dan **pendaftaran** serta pengurusan di PPS.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi. Senarai **logistik dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 9**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah keperluan asas, bahan mentah memasak, makanan berbungkus (*packed food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti *hygien kit*, kit keluarga dan *refreshment kit*.
- Pihak JKM telah memberikan sesi intervensi melalui pasukan psikologi untuk membantu mangsa di PPS dalam menangani situasi bencana banjir yang dialami.
- JKM juga memperkenalkan makanan *retort* sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- JKM juga menggunakan jalan udara bagi menghantar barang keperluan asas dan makanan kepada mangsa banjir dengan bantuan agensi tindak balas.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 10**.
- Penambahan anggota dan aset pasukan penyelamat dari negeri-negeri lain ke negeri Kelantan dan Terengganu telah dilaksanakan bagi membantu kedua-dua negeri tersebut menghadapi banjir.
- NADMA telah mengaktifkan dan mempengerusikan **Mesyuarat Penyelarasan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat** bersama semua PKOB negeri yang terlibat dengan banjir MTL, agensi teknikal dan agensi tindak balas bagi memastikan bencana banjir dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan khususnya yang melibatkan pemindahan mangsa ke PPS serta keperluan dan kebajikan mangsa di PPS. Di antara keputusan utama mesyuarat PKOB Pusat yang bersidang pada hari ini adalah penempatan pam bergerak di lokasi banjir genang, penghantaran kit makanan tambahan dan C-Tent, penghantaran bantuan melalui udara dan penglibatan NGO Rakan NADMA di lapangan.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



LAPORAN HARIAN BENCANA #05

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

2 DISEMBER 2024

7/47



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL 5 November sehingga 1 Disember 2024, terdapat 55 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti keperluan **makanan dan minuman, kit kebersihan, pakaian, bantuan mencari dan menyelamatkan, logistik dan keperluan bayi** di beberapa negeri iaitu di Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan. NGO turut memberikan sumbangan ahli sukarelawan dalam membantu melaksanakan kerja-kerja pengagihan bantuan, khidmat kebersihan mengemas kelas, memasang khemah dan membantu di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, 20 orang NGO yang terdiri daripada **doktor dan sukarelawan perubatan** telah berada di Kelantan untuk memberikan bantuan.
- Selain itu, 10 orang sukarelawan dari NGO yang terlibat dalam misi bantuan banjir juga telah memberikan bantuan **khidmat kaunseling** di Dewan Dato Azman Mahalan, Kampar, Perak.
- Beberapa NGO melalui kerjasama daripada Badan Penderma sedang menghantar bantuan kepada mangsa banjir melibatkan sebanyak 30 Ribu barang keperluan di beberapa PPS yang terkesan. Antara barang keperluan yang diagihkan ialah seperti **selimut, kain sarong, kain pelikat, tuala, tin sardin, kari ayam bersama kentang, hygiene kit, toto, biskut, roti dan air mineral**. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mangsa banjir.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- **Tip Keselamatan Banjir :**
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>




PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN
DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Pasir Mas	230,424	54,924	45,128	83	33	217
2.	Tumpat	179,943	42,113	34,817	48	31	38
3.	Pasir Puteh	136,157	33,404	26,440	55	25	46



JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI 1 DISEMBER 2024



BIL	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1	TERENGGANU	Dungun	Hospital Dungun, Dungun, TERENGGANU	333.6
2	TERENGGANU	Kemaman	Stesen Meteorologi Kerteh, Kemaman, TERENGGANU	227.4
3	TERENGGANU	Dungun	Ibu Pejabat KETENGAH Bandar AMBS, Dungun, TERENGGANU	221.7
4	TERENGGANU	Dungun	MARDI Jerangau, Dungun, TERENGGANU	148.7
5	TERENGGANU	Besut	Institut Pertanian Besut, Besut, TERENGGANU	103.6
6	SELANGOR	Kuala Selangor	Ladang Sungei Buloh, Kuala Selangor, SELANGOR	82.1
7	TERENGGANU	Hulu Terengganu	Pengkalan Gawi, Hulu Terengganu, TERENGGANU	79.4
8	PERAK	Kuala Kangsar	FELDA Lasah, Kuala Kangsar, PERAK	76.0
9	KELANTAN	Gua Musang	FELDA Chiku 3, Gua Musang, KELANTAN	72.3
10	TERENGGANU	Marang	Kuala Tengah, Marang, TERENGGANU	69.4



* Hanya 10 stesen meteorologi tertinggi dipaparkan



TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 2 DISEMBER 2024 DARI JAM 00:00 TENGAH MALAM HINGGA 14:00 PETANG





STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

2

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KELANTAN

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Golok di Rantau Panjang (F1)	Sungai Golok	Pasir Mas	7	8	9	10.88	Menurun
Sg. Golok di Kg. Jenob (F1)	Sungai Golok	Tanah Merah	21.5	22.5	23.5	23.58	Menurun
Sg. Golok di Kuala Jambu (F1)	Sungai Golok	Tumpat	2	2.5	3	4.11	Menurun

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

3

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KELANTAN

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Kelantan di Kuala Krai (F1)	Sungai Kelantan	Kuala Krai	20	22.5	25	20.81	Menurun
Sg. Kelantan di Tambatan D'Raja (F1)	Sungai Kelantan	Kota Bharu	3.00	4.00	5.00	3.27	Menurun
Sg. Semerak di Pasir Puteh (F1)	Sungai Semerak	Pasir Puteh	2	2.3	3	2.82	Menurun
Sg. Kelantan di Kusial (F1)	Sungai Kelantan	Tanah Merah	12	14	16	13.98	Menurun
Sg. Kelantan di Kusial Baru (F1)	Sungai Kelantan	Tanah Merah	12	14	16	13.87	Menurun

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

4

STATUS ARAS AIR SEMASA DI TERENGGANU

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Kg. Felda Mengkawang (F1)	Sungai Terengganu	Hulu Terengganu	36.5	37	37.5	33.31	Menurun
Parit Utama di Padang Kemunting (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	3.2	3.6	3.8	4.20	Menaik
Sg. Nerus di Kg. Jeram	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	2	3.2	3.7	4.73	Menurun
Sg. Terengganu di Muzium Terengganu (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Terengganu	1.6	2	2.4	2.38	Menurun
Sg. Marang di Jambatan Pengkalan Berangan	Sungai Marang	Marang	2	2.4	2.7	2.86	Menaik

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

5

STATUS ARAS AIR SEMASA DI TERENGGANU

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Dungun di Kg. Pasir Raja	Sungai Dungun	Dungun	37.2	37.7	38.7	37.03	Menurun
Sg. Terengganu di Rumah Pam Pulau Bahagia (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Terengganu	2	3	4	3.53	Menurun
Sg. Kemaman di Rumah Pam Paya Paman	Sungai Kemaman	Kemaman	3	3.5	4	3.87	Menurun
Sg. Nerus di Kg. Bukit (F1)	Sungai Terengganu	Setiu	10.5	12	13.2	12.72	Menurun
Sg. Nerus di Kg. Bukit	Sungai Terengganu	Setiu	10.5	12	13.2	12.76	Menurun

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

6

STATUS ARAS AIR SEMASA DI PAHANG

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Pahang di Lubuk Paku	Sungai Pahang	Maran	17	18	19	18.23	Menaik

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KEDAH

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Bata di Kg. Bata	Sungai Kedah	Kubang Pasu	8.53	8.83	9.14	9.36	Menurun
Sg. Padang Terap di Kepala Batas	Sungai Kedah	Kubang Pasu	3.5	3.59	3.8	4.87	Menurun
Sg. Anak Bukit di Taman Aman	Sungai Kedah	Kota Setar	2	2.3	2.6	3.91	Menurun
Sg. Anak Bukit di Jambatan TAR	Sungai Kedah	Kota Setar	1.4	1.5	1.7	2.34	Menaik



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI PERAK

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Bidor di Changkat Jong	Sungai Perak	Hilir Perak	3.1	3.22	3.5	3.77	Menaik

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Rui di Jam. Jln. Raya Perak (RHN)	Sungai Perak	Hulu Perak	165.4	165.5	165.9	165.60	Menurun
Sg. Kampar di Kg. Baru Kuala Dipang (RHN)	Sungai Perak	Kampar	22	22.2	23.4	22.12	Menurun



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

9

STATUS ARAS AIR SEMASA DI MELAKA

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Kesang di Rumah Pam Telok Rimba (F2)	Sungai Kesang	Jasin	5	5.3	5.6	5.56	Menurun

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



STATUS AIR SEMASA PADA 2 DISEMBER 2024 JAM 06:00 PAGI

10

STATUS ARAS AIR SEMASA DI JOHOR

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Muar di Buloh Kasap	Sungai Muar	Segamat	7.92	8.53	9.14	10.09	Menaik

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Tangkak di Kg. Seri Ma'amor	Sungai Kesang (Johor)	Tangkak	3.00	3.50	4.00	3.97	Menurun
Sg. Kesang di Telok Rimba	Sungai Kesang (Johor)	Tangkak	2.5	3	3.5	3.17	Menurun

PRAEN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI BEBERAPA PENCAWANG ELEKTRIK

BIL.	NEGERI	DAERAH	KAWASAN
1	Kelantan	Kota Bharu	Pusat Usahawan Melor, Perumahan Hutan Pasir dan Taman Jaza Tok Hakim.
		Machang	Laha, Bandar Sri Aman, Chekok dan Kampung Kolan.
		Pasir Mas	Lubok Jong, Taman Desa Wirajaya, Kusar, Gual Pinang, Serongga, Merbau Serongga, Gual Sitok, Tanjung Erat, Padang Nyior, Gelang Mas, Kampungg Kolam, Kampung Apa-Apa, Pengkalan China, Meranti, Pusat Kesihatan Meranti, Air Teniat, Kampung Rahmat, Lubok Setol, Kubang Rambutan, Kok Pauh, Degong, Balai Polis Lubok Setol, Gual Tambun, Lubok Setol, Gual Dalam, Bandar Baru Pasir Mas, PPR Pasir Mas, Kampung Atas Genting, Taman Sri Naim, Kubang Jong, Taman Desa Asyraf, Perumahan Rakyat Risda, Gual Nering, JPS Bendang Guchil, Gual Sitok, Penggu, Kuin Merah, Kubang Kual, Gertak, Gual Petai Beruk, Gual Bunut, Lubuk Laksa, Gual Kulim, Taman Alia Puteri, Pakda, JPS Pak Kelong, Rong Chenok, Mahligai, Bujuk, Kubang Agil, Gabus, Kampung Baru, Paloh, Taman Lati, Taman Megah Lagenda, Taman Megah Kepas, Banggol Jering, Pohon Tanjung, Kubang Tembakan, Gading, Merbau, Pam Tok Rusa, Senior Meranti, Meranti Besar, Bongor, Tok Sangkut Jejawi, Taman Gemilang GP, JPS Pengkalan rakit, Tersang, Bukit Lata, Gual Tok Deh, Kebakat, Kedap, Taman Rantau Jaya, Tasek Permai, Putat dan Taman Rantau Baru.
		Pasir Puteh	Pam DPS, Taman Jelor dan Taman Puspajaya.
		Tumpat	Pam Teluk Jering, Kampung Sawa, Kampung Jelujok, Kajang Sebidang, Bendang Pak Yong, Pisau Raut, Simpangan, Rumah Pam Simpangan, Padang Mandul, Jal Besar, Pam Bendang Ana, Telok Jering, Jal Kecil, Cherang Melintang, Taman Seri Bayu dan Pak Keral.
		Bachok	Taman Pinggiran Aril, Hj Sharkam, Alur Ganu, Gong Redang, Telaga Ara, Cengal, Beoh, Warisan Telong, Kubang Berulat, Kampung Banar, Gong Kapas dan Bekelam.



PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI BEBERAPA PENCAWANG ELEKTRIK

BIL.	NEGERI	DAERAH	KAWASAN
2.	Kedah	Sik	JPS Padang Chicar.
		Alor Setar	Kampung Bukit Derang, Bukit Hijau, Hanger Baru, Alor Madi, Pulau Kerengga, Rumah Pam Alor Gunung, Titi Gajah dan Kampung Alor Perang.
3.	Terengganu	Marang	Panji Alam.
		Kuala Terengganu	Wisma Tanjung Ramly dan Tepoh.
		Dungun	Durian Mentangau, Kampung Air Hitam, Perumahan Bukit Besar, Kampung Papan, Pak Suri dan Keliyu (Kampung Serdang).
		Kerteh	Lingai Bata, Pengkalan Gelugor dan Ladang Sentosa.
4.	Perak	Batu Gajah	Bandar Baru Minat, Kolej Komuniti dan Bandar Baru Batu Gajah.
		Ipoh	Arena Kepayang Putra.



MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR

1	KK Meranti/UKS Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KD Bayu Lalang)	36	KD Felda Tersat Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KK Kuala Berang)
2	KK Pangkal Kala Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bandar)	37	KK Felda Mengkawang Hulu Terengganu, Terengganu (Beroperasi)
3	KK Gual Periok Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Rantau Panjang)	38	KP KK Tengkawang Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KP KK Telemong & KP KK Kuala Berang)
4	KK Tendong Pasir Mas, Kelantan (Beroperasi di Zon A)	39	KD La Besut, Terengganu (Beroperasi)
5	Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Rantau Panjang (Beroperasi)	40	KD Tenang Besut, Terengganu (Beroperasi)
6	KK Baroh Pial Pasir Mas, Kelantan (Beroperasi)	41	KD Bukit Payong Besut, Terengganu (Beroperasi)
7	KD Kg Rahmat Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Rantau Panjang)	42	KD Keruak Besut, Terengganu (Beroperasi)
8	KD Lubok Setol Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Rantau Panjang)	43	KD ALor Keladi Besut, Terengganu (Beroperasi)
9	KD Pohon Tanjung Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KD Banggol Chicha)	44	KP Pasir Akar Baharu Besut, Terengganu (Pindah Operasi ke KP KK Jerleh)
10	KD Jejawi Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KD Repek)	45	KP Kuala Besut Besut, Terengganu (Pindah Operasi ke KP Kg Raja)
11	KD Chetok Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke NG)	46	KD Kubang Kesum Sik, Kedah (Pindah Operasi ke KK Kg Betong)
12	KD Bunut Susu Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Kasar)	47	KD Kua
13	KD Gelang Mas Pasir Mas, Kelantan (Pindah ke KD Bayu Lalang)	48	KD Menerong Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KD Bukit Diman)
14	KD Pohon Buloh Pasir Mas, Kelantan (Pindah ke KK Bandar)	49	KD Tengkawang Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KK Kuala Berang)
15	KK Bahagia Kuala Krai, Kelantan (Beroperasi)	50	PKD Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KK Kuala Berang)
16	KD Pasir Kelang Kuala Krai, Kelantan (Beroperasi)	51	Hospital Hulu Terengganu (Beroperasi)
17	KD Kuala Nal Kuala Krai, Kelantan (Beroperasi)	52	Hospital Besut, Terengganu (Beroperasi)
18	KD Chenulang Kuala Krai, Kelantan (Beroperasi)	53	PKD Setiu, Terengganu (Pindah Operasi ke KK Rahmat)
19	KK Kok Lanas Kota Bharu (Tidak Operasi/Tiada Fasiliti Alternatif)	54	Hospital Setiu, Terengganu (Beroperasi)
20	KK Gunong Bachok, Kelantan (Beroperasi)	55	KD Pelong Setiu, Terengganu (Pindah Operasi ke KD Langkap)
21	KD Bukit Abal Pasir Puteh, Kelantan (Beroperasi)	56	KD Gong Terap Setiu, Terengganu (Beroperasi)
22	KD Wakaf Bunut Pasir Puteh, Kelantan (Beroperasi)	57	KD Jongok Batu Dungun, Terengganu (Pindah Operasi ke Masjid Jongok Batu)
23	KD Simpangan Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bunohan)	58	KD Undang Marang, Terengganu (Beroperasi)
24	KD Utan Tumpat, Kelantan (Beroperasi)	59	KK Sokor Tanah Merah, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Gual Ipoh)
25	KK Bukit Bakar Machang, Kelantan (Tidak Operasi/Tiada Fasiliti Alternatif)	60	KD Gobek Tanah Merah, Kelantan (Beroperasi)
26	KD Paloh Rawa Machang, Kelantan (Pindah Operasi ke KD Wakaf Bata)	61	KD Kemahang 3 Tanah Merah, Kelantan (Beroperasi)
27	KD Kulim Tanah Merah, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Gual Ipoh)	62	KD Kusial Bharu Tanah Merah, Kelantan (Beroperasi)
28	KP Kok Lanas, Kota Bharu Kelantan (Pindah Operasi ke KP KK Perol, KP KK Ketereh)	63	KK Biak Kuala Krai, Kelantan (Beroperasi)
29	KP KK Meranti Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KP KK Pasir Mas)	64	KD Bendang Pak Yong Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KD Air Dingin)
30	KP KK Tendong Pasir Mas, Kelantan (Beroperasi)	65	KD Padang Mandol Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bunohan)
31	KP KK Rantau Panjang Pasir Mas, Kelantan (Beroperasi)	66	KK Teluk Jering Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bunohan)
32	KP KK Gunong Bachok, Kelantan (Beroperasi)	67	KD Pulau Tongkang Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Sungai Pinang)
33	KP KK Selising Pasir Puteh, Kelantan (Beroperasi)	68	KK Teluk Renjuna Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Sungai Pinang)
34	KP KK Temangan Machang, Kelantan (Pindah Operasi ke KP KK Batu 30)		
35	KD Padang Setar Hulu Terengganu, Terengganu (Pindah Operasi ke KD Bukit Gemuroh)		



MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR

69	KK Kasar Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bandar Pasir Mas)
70	KD Banggol Chicha Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Kangkong)
71	KD Lati Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Kangkong)
72	PKD Pasir Mas, Kelantan (Beroperasi)
73	Hospital Kuala Krai (Lama) Kuala Krai, Kelantan (Pindah Operasi ke Hospital Sultan Ismail Petra Kuala Krai)
74	KD Bukit Awang Pasir Puteh, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Gaal)
75	KD Jelor Pasir Puteh, Kelantan (Tidak Operasi)
76	KD Kutan Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Pasir Pekan)
77	KK Sg Pinang Tumpat, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Pasir Pekan)
78	KK Pengkalan Kubor Tumpat, Kelantan (Tidak Operasi)
79	KK Getting Tumpat, Kelantan (Beroperasi)
80	KK CHerang Hangus Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK To' Uban)
81	KP KK Pasir Puteh, Kelantan (Pindah Operasi ke KP KK Selinsing, KP KK Cherang Ruku)
82	KP Pasir Mas, Pasir Mas Kelantan (Beroperasi)
83	KP KK Pengkalan Kubor, Tumpat Kelantan (Tidak Beroperasi)
84	KP KK Bunohan, Tumpat Kelantan (Tidak Beroperasi)
85	KP KK Tumpat, Tumpat Kelantan (Tidak Beroperasi)
86	Hospital Hulu Terengganu, Terengganu (Beroperasi)
87	Hospital Setiu, Terengganu, (Beroperasi)
88	KD Pelong, Setiu Terengganu (Pindah Operasi ke KD Langkap)
89	KD Gong Terap, Setiu Terengganu (Beroperasi)
90	KD Undang, Setiu (Beroperasi)
91	Hospital Besut, Terengganu (Beroperasi)
92	KD Jelai, Kuala Pilah N. Sembilan (Pindah Operasi ke KD Felda Kepis)
93	KD Serting Ulu, Jempol N. Sembilan (Pindah Operasi ke KD Serting Tengah)
94	KP Sekolah SMK Tengku Intan Zaharah, Dungun (Pindah Operasi ke KP Dungun)
95	KD Wakaf Bata, Machang Kelantan (Pindah Operasi ke KK Machang)
96	KK Mata Ayer, Machang Kelantan (Pindah Operasi ke KK Pulai Chondong)
97	KK Kg Bandar, Machang Kelantan (Pindah Operasi ke KK Pulai Chondong)
98	KK Pasir Puteh, Pasir Puteh, Kelantan (Beroperasi)
99	KD Tasek Pauh, Pasir Puteh (Beroperasi)
100	Unit Inspektorat Pasir Puteh (Pindah Operaso ke HTA)

101	Farmasi Logistik Pasir Mas (Pindah Operasi ke KK Meranti)
102	KK Sukor, Tanah Merah Keantan (Pindah Operasi ke KK Gual Ipoh)
103	Unit Kesihatan Sekolah Pasir Mas, Kelantan (Pindah Operasi ke KK Bandar Pasir Mas)
104	KD Gobek, Tanah Merah Kelantan (Beroperasi)
105	KD Kemahang 3, Tanah Merah Kelantan (Beroperasi)

Nota:
KK= Klinik Kesihatan
KD= Klinik Desa
KP= Klinik Pergigian
PKD= Pejabat Kesihatan Daerah



MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

JKR Malaysia : LAPORAN BENCANA PADA 02/12/2024 @ 02:00 PM

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
Terengganu									
1	Besut	84	7.8 - 7.9	27/11/2024	Jalan Jerteh - Kuala Besut	Pejabat Meteorologi	B		B
2	Besut	FT003	649 - 650	30/11/2024	FT03, JALAN KUALA TERENGGANU - KOTA BHARU		B		B
3	Besut	FT003	653 - 656	27/11/2024	FT03, JALAN KUALA TERENGGANU - KOTA BHARU	Kg Padang Landak	B		B
4	Besut	FT189	11.4 - 12.4	27/11/2024	Jalan Jerteh/Kuala Besut	Kg Nangka	B		B
5	Besut	FT189	13 - 13.3	27/11/2024	Jalan Jerteh/Kuala Besut	Kg Lampu	B		B
6	Besut	T	0.0 - 0.05	30/11/2024	N/A	Balai Trafik Jerteh	B		B3
7	Besut	T	0.00 - 0.0	30/11/2024	N/A	Jalan Bawah Jambatan Jerteh	B	Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu/Laluan Persekutuan 3/AH18	B3
8	Besut	T	0.4 - 1.2	30/11/2024	N/A	Jalan Hj Wan Latif	B		T
9	Besut	T	0.40 - 1.2	30/11/2024	N/A	Jalan Hj Wan Latif, Gong Kemuntong	B		T
10	Besut	T	1.0 - 1.0	28/11/2024	Kampung Tandak	Jalan Tandak	B		T
11	Besut	T	1.4 - 1.4	26/11/2024	N/A	Kg Pengkalan Setol	JR		T
12	Besut	T	1.7 - 1.7	26/11/2024	N/A	Kg. Anak Musang	B		B
13	Besut	T	1.7 - 2	27/11/2024	N/A	Kg. Anak Musang (Jalan Padang Lengkuas / Anak Musang)	B		B3
14	Besut	T	1.7 - 2.0	27/11/2024, 28/11/2024	N/A	Kg. Anak Musang (Jalan Padang Lengkuas / Anak Musang)	B		B3



MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
15	Besut	T	1.9 - 1.9	29/11/2024	Kampung Tandak	Kg Tandak	B	Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu/Laluan Persekutuan 3/AH18 dan T5	B3
16	Besut	T	1.9 - 1.9	30/11/2024	Kampung Tandak	Kg Tandak	B	T5, Jalan Bukit Mok Mek dan Jalan Zainal Abidin	T
17	Besut	T	2.3 - 2.7	27/11/2024	N/A	Kg. Lubuk Kawah (T05 Jalan Jerteh / Keruak)	B		B
18	Besut	T	3.8 - 3.9	27/11/2024	N/A	Kg. Keluang (T150 Kg. Raja/Kg. Keluang)	JM		T
19	Besut	T005	12.5 - 12.6	27/11/2024	T5 JLN JERTIH/PASIR AKAR/KERUAK (KG JERUBUN)	Kg. Jerubun	B		B3
20	Besut	T05	0.1 - 0.2	28/11/2024	Jerteh / Keruak	Jalan Bawah Jambatan Jerteh	B		T
21	Besut	T05	1.7 - 2.0	27/11/2024	Jerteh / Keruak	Kg. Anak Musang	B		B3
22	Besut	T05	1.9 - 1.9	29/11/2024, 30/11/2024	Jerteh / Keruak	Kg Cerang Meliling	B		T
23	Besut	T05	1.9 - 2.9	30/11/2024	Jerteh / Keruak	Kg. Cerang Meliling	B		T
24	Besut	T05	2 - 2.1	28/11/2024	Jerteh / Keruak	Jalan Kg. Cherang Meliling	B		B3
25	Besut	T05	2 - 2.2	28/11/2024	Jerteh / Keruak	Jalan Kg. Cherang Meliling	B		B3
